

Semua perlu main peranan urus sampah secara efisien - SWM

Faiz Hasan

AYER KEROH - Pembinaan insinerator bukan penyelesaian utama bagi masalah pelupusan sisa pepejal di negeri ini, sebaliknya ia perlu disokong sistem pengurusan sampah yang cekap, selain kerjasama perlu dimainkan

semua pihak.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment Sdn Bhd Mohd Norlisam Mohd Nordin berkata, biarpun teknologi mesra alam itu mampu menjimatkan ruang dan menjaga tenaga namun pengoperasiannya perlu berketepatan dengan jenis sampah mahu dilupuskan.

Menjelaskan perkara itu Mohd Norlisam berkata, pelbagai jenis sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan, namun 60 peratus daripadanya adalah komposisi bahan basah termasuk makanan.

"SWM ada program tersendiri yang sudah dilaksanakan secara berterusan iaitu program 3R iaitu

(Reduce, Reuse, Recycle) bertujuan mengitar semula dan mengurangkan penghasilan sampah untuk dihantar ke tapak pelupusan di negeri ini.

"Menerusi program ini kita mendekati masyarakat untuk memberi pendedahan dan kesedaran bahawa pentingnya pengurusan sisa pepejal yang sempurna menerusi sistem pengasingan sisa di punca.

"Ia secara tidak langsung dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal itu untuk dihantar ke tempat pelupusan," katanya.

Sementara itu Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Melaka pula menyarankan mana-mana pemain industri mempunyai teknologi mesin menghancurkan pokok (shredder machine) membantu dalam menguruskan pelupusan sisa organik di negeri ini.

Pengarahnya Khairuladha Mutalib berkata, kaedah itu bagi memb-



MOHD Norlisam

antu mempercepatkan proses pelupusan sisa pokok di Tapak Pelupusan Sampah Sanitari Sungai Udang selain menjimatkan ruang sedia ada.

"Mungkin pemain-pemain di luar sana memiliki teknologi ini yang boleh membantu memudahkan lagi pengurusan sisa pokok di tapak pelupusan," katanya.

Beliau berharap, orang ramai dan pemain industri dapat mengurangkan jumlah sampah yang boleh dikitar semula agar tapak pelupusan sedia ada tidak melebihi kapasiti ditetapkan.

"Ada barang lusuh boleh dikitar semula dan jadi sumber pendapatan contoh menerusi program 'trash to cash' yang sedang kita praktikkan.

"Program ini bertujuan memberi galakkan kepada orang ramai menjaga pendapatan dengan menjual semula sisa pepejal atau barang luruh boleh dikitar semula," katanya.



PEKERJA SWM menjalankan kutipan sampah secara berkala di setiap taman perumahan.